



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BOT TUNDA, NELAYAN ASING DITAHAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -22	JABATAN PERIKANAN (DOF)
2.	MAQIS RAMPAS DAGING BABI DIBAWA MASUK DARI SINGAPURA, SINAR NEGERI SELANGOR/KL, SH -23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	KESEMUA 31 MENTERI KABINET ANGKAT SUMPAAH JAWATAN DI HADAPAN AGONG, BH -ONLINE	LAIN-LAIN
4.	ALL 31 CABINET MINISTERS SWORN IN, MALAYSIA KINI -ONLINE	
5.	JUNZ TO WORK WITH ALL MINISTERS FROM SABAH, BORNEO POST -ONLINE	
6.	IKAN RM2.50 SEKILO DI PASAR SEKINCHAN, WILAYAH, BH -46	
7.	TIGA PRINSIP LONJAK PERNIAGAAN KEROPOK LEKOR, WANITA & KELUARGA, BH -47	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	22

Bot tunda, nelayan asing ditahan

SABAK BERNAM - Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot tunda kelas B1 yang dilihat dalam keadaan mencurigakan ketika operasi di perairan Bagan Nakhoda Omar kira-kira jam 12 tengah hari kelmarin.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang, Deputy Superintenden Hazri Zakaria berkata, ketika ditahan nelayan di atas bot itu sedang menangkap hasil laut.

“Polis menahan seorang lelaki tempatan berusia 40 tahun disyaki tekong.

“Turut ditahan empat awak-awak warga asing berusia lingkungan 25

hingga 39 tahun terdiri daripada dua warga Myanmar dan dua warga Thailand,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati antara kesalahan yang dikesan ialah melanggar syarat lesen iaitu menggunakan pekerja asing tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Negeri, menunda kurang dari lapan batu nautika dari pantai selain gagal mengusahakannya sendiri.

Katanya, turut dirampas kira-kira 800 kilogram ikan pelbagai jenis bernilai RM8,000 dan siasatan dijalankan mengikut Akta Perikanan 1985.



Sebuah bot tunda kelas B1 ditahan PPM dalam operasi di perairan Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam, Selangor kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/8/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SELANGOR/KL	23

Maqis rampas daging babi dibawa masuk dari Singapura

SUBANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 10 kilogram (kg) daging babi dan 15 kilogram limau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah kelmarin selepas didapati tidak mempunyai Permit Import dan Sijil Fitosanitasi.

Pengarah Maqis Negeri Selangor, Dr Tarmisal Alimin berkata, barang dagangan bernilai RM2,000 itu dibawa masuk dari Singapura.

Rampasan dilakukan dengan ker-

jasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

“Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah adalah salah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Malaysia 2011.

“Maqis sentiasa peka melaksanakan tanggungjawab mengawal kemahuan keluaran pertanian di semua pintu masuk negara bagi memastikan keselamatan dan kesihatan penduduk dalam keadaan baik,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kesemua 31 menteri Kabinet angkat sumpah jawatan di hadapan Agong



PUTRAJAYA: Kesemua 31 menteri Kabinet hari ini mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Melawati di sini, hari ini.

Turut berangkat pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Istiadat Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia itu ialah Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Majlis pada jam 3 petang itu dimulai dengan irama lagu kebangsaan 'Negaraku' dimainkan di Balairung Seri, di istana berkenaan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman turut hadir menyaksikan majlis itu di samping Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang.

Kesemua mereka melafazkan ikrar sumpah jawatan dan taat setia sebelum menandatangani dokumen rasmi pelantikan dengan disaksikan oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Tengku Maimun Tuan Mat dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Kesemua mereka mengangkat sumpah jawatan hari ini susulan pengumuman pembentukan Kabinet baharu semalam.

Menteri-menteri itu dibahagikan kepada lima kumpulan dengan kumpulan pertama seramai tujuh orang terdiri daripada empat Menteri Kanan - Ahli Parlimen Gombak, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri); Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri (Menteri Pertahanan); Naib Yang Dipertua Kanan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Datuk Seri Fadillah Yusof (Menteri Kerja Raya) dan Menteri Pendidikan, Senator Dr Mohd Radzi Md Jidin.



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan surat cara pelantikan kepada Menteri Kanan Dr Mohd Radzi Md Jidin yang memegang jawatan Menteri Pendidikan pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia Menteri dan Timbalan Menteri Persekutuan di Istana Melawati hari ini. - Foto BERNAMA

Tiga lagi dalam kumpulan itu ialah Menteri Kewangan Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (Menteri Pengangkutan) dan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili (Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak).

Kumpulan kedua pula terdiri daripada tujuh orang iaitu; Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man sebagai Menteri Alam Sekitar; Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri M Saravanan (Menteri Sumber Manusia); Ahli Parlimen Titiwangsa Datuk Seri Rina Mohd Harun (Menteri Wanita dan Keluarga) dan Ketua Wanita UMNO, Datuk Dr Noraini Ahmad (Menteri Pengajian Tinggi).

Yang lain ialah Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof (Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Tugas-tugas Khas); Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (Menteri Pertanian dan Industri Makanan) dan Ahli Parlimen Jeli, Datuk Seri Mustapa Mohamed (Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Ekonomi).

Kumpulan ketiga pula terdiri daripada Ahli Parlimen Larut, Datuk Seri Hamzah Zainuddin (Menteri Dalam Negeri); Ahli Parlimen Indera Mahkota, Datuk Saifuddin Abdullah (Menteri Komunikasi dan Multimedia); Ahli Parlimen Ampang, Zuraida Kamaruddin (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan); Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad (Menteri Pembangunan Luar Bandar).

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Annuar Musa (Menteri Wilayah Persekutuan); Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (Menteri Belia dan Sukan) dan Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah (Menteri Tenaga dan Sumber Asli) juga dalam kumpulan itu.

Kumpulan keempat pula meliputi Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang mengangkat sumpah sebagai Menteri Luar; Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi); Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Halimah Mohamed Sadique (Menteri Perpaduan Negara).

Turut di dalam kumpulan itu ialah Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Seri Dr Adham Baba (Menteri Kesihatan) dan Ahli Parlimen Kapit, Datuk Alexander Nanta Linggi (Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna).



Al-Sultan Abdullah berkenan mengurniakan surat cara perlantikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) kepada Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri. - Foto BERNAMA

Kumpulan terakhir, kumpulan kelima, terdiri daripada Ahli Parlimen Santubong, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Ahli Parlimen Batang Sadong, Datuk Seri Nancy Shukri (Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan).

Setiasaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan (Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Parlimen dan Undang-undang); Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali (Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi) dan terakhir Senator Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Menteri di Jabatan Perdana Menteri - Hal Ehwal Agama) pun berada dalam kumpulan itu.



Selepas menteri-menteri itu, giliran 37 timbalan menteri pula mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

All 31 cabinet ministers sworn in



All 31 new Cabinet ministers were sworn in before the Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Sultan Ahmad Shah at Istana Melawati in Putrajaya today.

Also attending and witnessing the ministers took their oaths of office, loyalty and secrecy was Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

The ceremony held at the Balairung Seri or the throne room of the palace began at 3pm with the singing of national anthem Negaraku.

Also present were Prime Minister Muhyiddin Yassin and his wife, Noorainee Abdul Rahman, as well as Inspector-General of Police Abdul Hamid Bador and Chief of Defence Force Affendi Buang.

After taking their oaths, the ministers then signed the official instrument of appointment, witnessed by Chief Justice Tengku Maimun Tuan Mat and Chief Secretary to the Government Mohd Zuki Ali.

The swearing-in ceremony was held following the cabinet announcement made by Muhyiddin yesterday.

The ministers took their oaths in groups, with the first group of seven comprising the four senior ministers namely Azmin Ali (International Trade and Industry Minister), Ismail Sabri (Defence Minister), Fadillah Yusof (Works Minister) and Senator Mohd Radzi Md Jidin (Education Minister).

The other three in the group were Senator Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz (Finance Minister), Wee Ka Siong (Transport Minister) and Maximus Ongkili (Minister in the Prime Minister's Department - Sabah and Sarawak Affairs).

The second group comprised Ibrahim Tuan Man (Environment Minister), M Saravanan (Human Resource Minister), Rina Mohd Harun (Women and Family Minister), Noraini Ahmad (Higher Education Minister), Mohd Redzuan Md Yusof (Minister in the Prime Minister's Department - Special Functions), Ronald Khandee (Agriculture and Food Industry Minister) and Mustapa Mohamed (Minister in the Prime Minister's Department - Economy).

They were followed by the third group comprising Hamzah Zainuddin (Home Minister), Saifuddin Abdullah (Communications and Multimedia Minister), Zuraida Kamaruddin (Housing and Local Government Minister), Abdul Latiff Ahmad (Rural Development Minister), Annuar Musa (Federal Territories Minister), Reezal Merican Naina Merican (Youth and Sports Minister) and Shamsul Anuar Nasarah (Energy and Natural Resources Minister).

The fourth group consisted of Hishammuddin Hussein (Foreign Minister), Khairy Jamaluddin (Science, Technology and Innovation Minister), Halimah Mohamed Sadique (National Unity Minister), Dr Adham Baba (Health Minister) and Alexander Nanta Linggi (Domestic Trade and Consumer Affairs Minister).

The last group of ministers were made up of Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Entrepreneur Development and Cooperatives Minister), Hajah Nancy Shukri (Tourism, Arts and Culture Minister), Takiyuddin Hassan (Minister in the Prime Minister's Department - Parliament and Law), Mohd Khairuddin Aman Razali (Plantation Industries and Commodities Minister) and senator Zulkifli Mohamad Al-Bakri (Religious Affairs Minister in the Prime Minister's Department).

After the ministers, all the 37 deputy ministers were also sworn in before the Yang di-Pertuan Agong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/3/2020	BORNEO POST	ONLINE	

Junz to work with all ministers from Sabah



KOTA KINABALU: The appointment of Members of Parliament from Sabah and Sarawak in the federal cabinet seems to be fair to both states, Sabah Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong said.

Junz, in congratulating Beluran Member of Parliament Datuk Seri Dr Ronald Kiandee on his appointment as Agriculture and Food Industry Minister, said he will be working closely with the latter in matters pertaining to Sabah.

"I will be working with all ministers from Sabah and hope all will put Sabah's interest as their first priority," he said, adding that this will help to rebuild Sabah.

Junz however was of the opinion that Datuk Dr Jeffrey Kitingan should have been appointed Deputy Home Minister so that the latter can come up with approaches to resolve the illegal immigrants issue in Sabah.

"Jeffrey should exchange portfolio with Jonathan (Deputy Home Minister). This will give him the opportunity to resolve long perennial illegal immigrants issue and I can't wait to see what brilliant idea he has to resolve this matter. Now the ball is in their court and I'll be waiting for their plan!" Junz said.

The Keningau Member of Parliament and Sabah STAR president was appointed Deputy Tourism, Arts and Culture Minister while Jonathan, Ranau Member of Parliament, was appointed Deputy Home Minister.

Junz was of the opinion that Dr Jeffrey is not keen on the Deputy Home Minister portfolio, adding, "because Sabahans know that all this while whatever he preached is just mere politicking empty talk.

"Otherwise he should fight for it (the Deputy Home Minister's post)," he opined.

Meanwhile asked to comment on the creation of the Sabah and Sarawak Affairs Ministry under the Prime Minister's Department, Junz said it was not a good development as the two states should be dealing directly with the Prime Minister.

The portfolio to which PBS president Datuk Seri Dr Maximus Ongkili was appointed to will only be duplicating duties and resulting in more red tape and bureaucracy, he said, adding, "if I want to discuss issues pertaining to agriculture, I would deal with Dr Ronald, why go through this ministry?"

When asked if he felt that Maximus was the right choice, Junz replied, "I'm not sure but let's see what he can do to help Sabah and I can't wait to see him bring good power back to Sabahans."

He was also of the opinion that the oil royalty and illegal immigrant issues should be on top of Maximus' to-do list.

Ikan RM2.50 sekilo di Pasar Awam Sekinchan

Sekinchan: Perubahan monsun sejak seminggu lalu memberi rezeki berganda kepada peniaga dan pengunjung Pasar Awam Sekinchan, berikutan berlaku lambakan ikan kembung dan cencaru menyebabkan ia dijual pada harga antara RM2.50 hingga RM4 sekilogram bergantung kepada salz.

Harga ikan kembung dan cencaru yang dijual murah itu turut tular di laman sosial Facebook (FB) dan mendapat pelbagai reaksi netizen yang rata-rata mengatakan ia berbaloi dibeli.

Peniaga ikan, Heng Nok Koo, 55, berkata susulan lambakan, harga kembung dan cencaru hanya dijual antara RM2.50 hingga RM4 bagi sekilogram.

Katanya, perubahan monsun menyebabkan tangkapan ikan bertambah dan nelayan mampu memperoleh hasil tangkapan yang jauh lebih banyak.

"Saya jarang jual ikan kembung dan cencaru pada harga lebih murah kerana harga biasa sebelum ini mencecah hingga RM12 untuk sekilogram, malah, harga ini di-




Orang ramai tidak melepaskan peluang membeli ikan kembung dan cencaru yang dijual antara RM2.50 hingga RM4 sekilogram di Pasar Awam Sekinchan, semalam.
(Foto Amirul Aiman Hamsuddin/BH)

jangka berterusan sehingga minggu depan," katanya, di sini, sekilogram.

Nok Koo yang berniaga di pasar itu sejak 30 tahun lalu memulakan operasi perniagaan seawal jam 7.30 pagi hingga 7.30 malam, me-

Sementara itu, pelanggan, Nurul Azlina Hamzah, 41, berkata, dia sanggup memandu sejauh kira-kira 30 kilometer ke Sekinchan semata-mata membeli ikan yang dijual dengan harga murah.

"Saya menerima tempahan ra-



**Perubahan
monsun**

**sebabkan tangkapan
ikan bertambah.**

**Heng Nok Koo,
Peniaga ikan**

kan yang mengirinkan wang untuk membeli ikan dalam kuantiti yang banyak. Memang tak sangka harga ikan kembung dan cencaru dijual dengan harga empat atau lima kali ganda lebih murah berbanding kebiasaan antara RM10 hingga RM12 sekilogram," katanya yang menetap di Kampung Teluk Penyamun, Kuala Selangor.

Bagi Abu Hasan Omar, 67, penurunan harga ikan itu mengurangkan beban pembeli yang berdepan kenaikan harga barangan keperluan lain.

"Setahu saya, harga ini paling murah sepanjang tahun ini dan secara tidak langsung, saya mampu menjimatkan perbelanjaan," katanya.

Tiga prinsip lonjak perniagaan keropok lekor

Pengalaman bermotosikal jual produk sekitar Manjung berbaloi, kini mampu bina jenama sendiri

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Sitiawan: Menjual keropok lekor dengan motosikal dari rumah ke rumah dan produknya pernah dikatakan keras seperti kayu, pengalaman getir serta sukar diupakan pemilik Industri Keropok Lekor Lekir, Yah Mahmud, 66.

Namun, jerih-perih wanita ini mencari rezeki demi membantu menambah pendapatan keluarga menyuntik semangat membuktikan tenaga empat kerat bukan usaha sia-sia.

Ibu kepada empat anak itu, berkata sebelum produknya dikenali beliau menunggang motosikal menjual keropok lekor di sekitar Manjung selama dua tahun.

"Anak yang masih kecil ketika itu terpaksa ditinggalkan di rumah sementara saya berniaga. Tidak pernah ada perasaan malu menjual dari rumah ke rumah dengan motosikal kerana tuat saya untuk mencari rezeki halal.

"Saya juga mahu membantu meringankan beban dan meningkatkan taraf hidup keluarga kami kerana ketika itu arwah suami pertama bekerja sebagai nelayan," katanya ditemui di bengkel pemrosesan di Kampung Pasir Pandak di Sitiawan, Perak, baru-baru ini.

Yah berkata, sebelum ini ada yang tidak mahu mengambil keropok lekor buatannya dan mengatakan keropok dihasilkan keras seperti kayu.

Bagaimanapun, beliau tidak berkecil hati walaupun komen itu perit didengari, namun ia tidak mematahkan semangatnya sebaliknya menjadi pemangkin untuk terus menghasilkan produk yang lebih baik.

"Komen seperti ini sangat bagus sebagai motivasi dan menjadi cabaran untuk kita berusaha memperbaiki kekurangan produk sedia ada," katanya.

Lantas, berbekalkan semangat dan minat mendalam wanita ceka itu yang dimulakan sejak 24 tahun lalu secara kecil-kecilan di rumah sambil dibantu anak, kini boleh dibanggakan sambil dibantu tujuh pekerja, selain anak, Mo-



Yah menunjukkan produk keropok lekor dan sos pencicah yang belum dibungkus. (Gambar kanan) keropok lekor yang

hd Aidil Shahimi, 26, dan suami, Mokhtar Taharin, 61.

Menginbas pembabitannya dalam dunia keusahawanan ini, beliau berkata walaupun tanpa pengalaman dan pengetahuan asas dalam pembuatan produk itu pada awalnya, beliau nekad meneruskan bidang berkenaan.

Yah mendapat bimbingan dan bantuan daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Katanya, pada mulanya beliau mengikuti kursus jangka pendek anjuran Jabatan Perikanan dengan modul keropok udang, namun idea menghasilkan keropok lekor tercetus selepas menyedari kesukaran mendapatkan bekalan udang.

"Saya mula menghasilkan keropok lekor selepas diberi sekeping kertas resipi daripada seorang pegawai Jabatan Perikanan,



Yah bersama pekerja menjalankan perusahaan keropok lekor dan sos pencicah sejak 24 tahun lalu di bengkel pemrosesan di Kampung Pasir Pandak, Sitiawan, Perak. (Foto Noor Hidayah Tanzizi/BH)

namun pelbagai halangan terpaksa ditempuhi.

"Saya mengambil masa kira-kira empat tahun sebelum keropok lekor ini menerima sambutan dan ia juga hasil daripada inovasi dan pelanggan yang sentiasa memberi komen membina," katanya.

Beliau menghasilkan dua jenis keropok lekor, iaitu batang, cakai dan sos pencicah yang dipasarkan di sekitar Perak, selain pelanggan juga boleh membeli secara terus di bengkelnya.

"Sebelum ini, keropok dihasilkan juga cepat rosak dan liat, malah pernah melalui dugaan daripada 100 kilogram (kg) hanya 40 kg saja terjual, manakala selebihnya rosak.

"Alhamdulillah, kini produk yang dihasilkan mendapat sambutan dan kami boleh menghasilkan lebih 250kg keropok lekor dengan menggunakan lebih 120kg ikan sardin setiap hari," katanya.

Beliau memegang kepada tiga

sebaliknya atasi dan semuanya akan menjadi mudah.

"Saya bersyukur kerana dapat membuktikan walaupun tiada pendidikan tinggi tetap boleh berjaya dan berdikari.

"Melihat perjalanan usaha yang dikecapi sekarang saya rasa sangat berbaloi dengan apa yang dilalui dahulu, tetapi itu bukan alasan untuk mendabik dada kerana dalam perniagaan perlu sentiasa berusaha untuk mengukuhkan jenama walaupun sudah dikenali.

"Kita juga perlu sentiasa positif, kreatif dan jangan cepat berkecil hati dengan komen pelanggan kerana maklum balas itu sangat penting untuk mendapatkan produk yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, anak ketiga Yah, Mohamad Aidil Shahimi, 28, berkata, beliau akan meneruskan legasi perniagaan keropok lekor ibunya dan mahu mengembangkan lagi pasaran di luar Perak.

Katanya, sejak kecil beliau sudah membantu ibunya menghasilkan keropok lekor dan mengakui ibu seorang yang ceka dan gigih menghasilkan keropok lekor sehingga produk dikenali hari ini.

"Usaha dilakukan mak berjaya membantu mengubah kehidupan kami sekeluarga dan tidak pernah mengalah menjadikan saya lebih bersemangat meneruskan perniagaan ini.

"Jenama kami sudah ada pelanggan, jadi saya mahu fokus untuk mengembangkan lagi usaha ini supaya ia boleh menembusi pasaran global," katanya yang sepenuh masa membantu ibunya sejak tamat persekolahan.

Mohamad Aidil mengakui pada mulanya beliau malu untuk berniaga dan berhadapan dengan orang, tetapi selepas diberi tunjuk ajar mendapati bidang menarik untuk diteroka.

"Sebenarnya, saya tidak minat berniaga, tetapi bila mak nasihat dan bimbing menjadikan saya mula menyukai bidang ini, selain banyak yang dipelajari terutama berkomunikasi dengan pelanggan serta menyimpan wang," katanya.

Saya ambil masa kira-kira empat tahun sebelum keropok lekor ini menerima sambutan dan ia juga hasil daripada inovasi dan pelanggan yang sentiasa memberi komen membina.

Yah Mahmud,
Pemilik Industri Keropok
Lekor Lekir

prinsip iaitu jujur, kualiti dan ber-sangka baik untuk terus melangkah dalam bidang perniagaan.

"Saya juga berpegang kepada kata motivasi dalam perniagaan jangan anggap sebagai masalah,